

**PERANAN PERTUBUHAN BANTU MANDIRI
WANITA DAN SAYAP WANITA MIC DALAM
PEMBANGUNAN SOSIOEKONOMI WANITA
INDIA DI SEMENANJUNG MALAYSIA,
1963 – 2010**

SYAMALA NAIR A/P G GOPAL

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2021

**PERANAN PERTUBUHAN BANTU MANDIRI
WANITA DAN SAYAP WANITA MIC DALAM
PEMBANGUNAN SOSIOEKONOMI WANITA
INDIA DI SEMENANJUNG MALAYSIA,
1963 - 2010**

oleh

SYAMALA NAIR A/P G. GOPAL

**Tesis ini diserahkan untuk
memenuhi keperluan bagi
Ijazah Doktor Falsafah**

Januari 2021

PENGAKUAN

Saya akui tesis ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

JANUARI 2021

SYAMALA NAIR A/P G GOPAL
NO MATRIK: S-HD0018/16(R)

PENGHARGAAN

Syukur kepada Tuhan kerana dengan keberkatan yang diberi saya telah dapat menyempurnakan kajian ini untuk dikemukakan sebagai tesis Doktor Falsafah dalam bidang sejarah.

Pertama sekali, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Bahagian Tajaan, Kementerian Pelajaran Malaysia yang telah menganugerahkan Hadiah Latihan Persekutuan kepada saya untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat kedoktoran.

Dengan penuh rasa syukur dan ikhlas, saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Profesor Datin Dr. Mahani Musa selaku penyelia pertama yang begitu gigih menyelia tesis Doktor Falsafah ini. Beliau begitu bersabar meluangkan masa beliau untuk berbincang, mengemukakan idea bernas agar satu tesis yang sempurna dapat dihasilkan. Tanpa dorongan dan semangat yang sentiasa diberikan oleh beliau adalah agak sukar bagi saya menyiapkan tesis ini.

Seterusnya saya juga ingin mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada Profesor Madya Dr. Muhamad Hasrul Zakariah yang juga telah memberi dorongan dan sokongan beliau selaku penyelia kedua saya. Ucapan terima kasih juga disampaikan khasnya kepada pensyarah kanan Bahagian Sejarah, Ilmu Kemanusiaan, USM, Dr Tan Chee Seng dan kesemua pensyarah yang lain yang telah memberi panduan dan tunjuk ajar secara langsung atau tidak langsung untuk menyiapkan tesis ini.

Sebahagian besar kajian ini telah dijalankan di Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur, Perpustakaan USM, UKM, UM, dan Perpustakaan Negara, Kuala Lumpur. Maka dengan ini saya ingin menyampaikan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua kakitangan institusi tersebut kerana telah memberikan kerjasama

kepada saya dalam usaha mendapatkan dokumen-dokumen dan bahan-bahan yang diperlukan. Saya juga ingin menyampaikan setinggi-tinggi penghargaan saya kepada semua responden yang telah memberi kerjasama dan bersedia untuk berkongsi maklumat. Ucapan terima kasih ini ditujukan kepada Datuk Ramani Gurusamy, Puan Pushparani, Dr. Mohanaapriyaa, Dr Ramanayagam Theraviam, Puan Meenambal Arumugam, Puan Sri Sarasa Pasamanikam, Datin Valli Muthusamy, Datin Paduka Komala Krishnamoorthy, Dato' Siva Subramaniam dan responden-responden lain yang turut membantu saya mendapatkan maklumat yang diperlukan dalam menyiapkan tesis ini. Tanpa bantuan, sokongan dan suara mereka, kajian ini tentu sekali tidak akan dapat disiapkan.

Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada rakan-rakan seperjuangan saya di SMK(P) St George dan Kolej Tingkatan 6 Haji Zainul Abidin atas segala kata-kata semangat yang mereka berikan. Tidak lupa juga kepada Dr Ganesan Shanmugavelu, Dr Jayakumary Marimuthu, Dr Sankar Arikrishnan, Dr Ramani Nathan dan Dr Umadevi Suppiah dalam berkongsi pengalaman dan memberi tunjuk ajar dan bantuan.

Akhir sekali, saya ingin merakamkan rasa terhutang budi kepada kedua-dua ibu dan bapa saya, En Gopal Nair dan Puan Prabhavati yang telah berkorban demi kejayaan saya. Saya juga ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan kepada suami tersayang, En Kirubanandan Murugaya dan kedua-dua anak saya, K. Nilasha dan K. Radheshh yang sentiasa memberi inspirasi, keyakinan dan semangat untuk menyiapkan tesis ini.

SENARAI KANDUNGAN

PENGHARGAAN	ii
SENARAI KANDUNGAN	iv
SENARAI JADUAL	viii
SENARAI SINGKATAN	x
ABSTRAK	xiii
ABSTRACT	xv
BAB 1 PENGENALAN	
1.1 Latar Belakang Kajian	1
1.2 Tinjauan Literatur.....	11
1.3 Permasalahan Kajian.....	33
1.4 Persoalan Kajian.....	34
1.5 Objektif Kajian.....	36
1.6 Skop Kajian	37
1.7 Metodologi Kajian.....	41
1.8 Signifikan Kajian	47
1.9 Batasan Kajian.....	49
BAB 2 MIGRASI & KEDUDUKAN SOSIOEKONOMI WANITA INDIA DI TANAH MELAYU, 1900-1960	
2.1 Pengenalan.....	51
2.2 Faktor & Cara Kemasukan Buruh India ke Tanah Melayu.....	51
2.2.1 Sistem Kontrak atau ' <i>Indenture</i> '	58
2.2.2 Sistem Kangani	60
2.2.3 Sistem Buruh Bebas.....	63
2.3 Kemasukan Buruh Wanita India ke Tanah Melayu	64
2.4 Kedudukan Sosial Wanita India di Tanah Melayu	70

2.4.1	Eksplotasi	71
2.4.2	Kehidupan Berkeluarga.....	81
2.4.3	Amalan Meminum Todi.....	82
2.4.4	Pendidikan.....	87
2.5	Penglibatan Wanita India dalam Bidang Ekonomi.....	89
2.5.1	Aspek Gaji.....	90
2.6	Perjuangan Radikal Wanita India Sebelum dan Selepas Pendudukan Jepun....	96
2.7	Penglibatan Wanita India dalam Mogok Ladang dan Kesatuan Sekerja selepas Perang Dunia Kedua.....	110
2.8	Kesimpulan.....	118
 BAB 3 PERANAN NCWO, MMi CARE ASSOCIATION & PERSATUAN WANITA INDIA MALAYSIA (MIMI) DALAM PEMBANGUNAN SOSIOEKONOMI WANITA INDIA DI SEMENANJUNG MALAYSIA		
3.1	Pengenalan.....	120
3.2	Kedudukan Sosioekonomi Wanita India Selepas Tahun 1960.....	121
3.3	Sejarah Penyertaan Wanita India dalam Kegiatan Persatuan.....	125
3.4	Latar Belakang Penubuhan dan Perkembangan Pertubuhan NCWO	130
3.4.1	Inisiatif NCWO Terhadap Wanita India di Semenanjung Malaysia.....	134
3.4.2	Caucus of Malaysian Indian Women Leaders.....	143
3.4.3	Program Kolaboratif NCWO dengan YWCA Kuala Lumpur.....	149
3.5	Latar Belakang dan Perkembangan MMi Care Association	154
3.5.1	MMi Global	156
3.5.2	MMi Care Association.....	160
3.5.3	Program Pemerksaan Wanita India Anjuran MMi Care Association....	163
3.5.3 (a)	<i>'from beauty to brain'</i> - Pertandingan Ratu Cantik MMi Global (<i>MMi Global Beauty Pageant</i>).....	163
3.5.3 (b)	<i>Personal Enhancement Program</i>	166
3.5.3 (c)	<i>Community & Enhancement Awareness Program</i>	168
3.5.3 (d)	<i>Gift Mum with Life</i>	171

3.6 Latar Belakang dan Perkembangan Persatuan Wanita India Malaysia (MIMI).....	174
3.6.1 Program Pembangunan Sosioekonomi Wanita India di bawah kelolaan MIMI.....	179
3.6.1 (a) Kursus Kemahiran.....	180
3.6.1 (b) Bantuan Modal Perniagaan.....	182
3.6.1 (c) Biro Pencarian Jodoh.....	187
3.7 Kesimpulan.....	189
 BAB 4 PERANAN SAYAP WANITA MIC DALAM USAHA PEMERKASAAN WANITA INDIA DI SEMENANJUNG MALAYSIA	
4.1 Pengenalan.....	192
4.2 Sejarah Penubuhan Parti MIC.....	193
4.3 Sayap Wanita MIC dan Penyertaan Wanita India dalam Politik	199
4.4 Program Kepimpinan Anjuran Sayap Wanita MIC	219
4.5 Program Ekonomi Wanita India Anjuran Sayap Wanita MIC, 1980-2010....	223
4.5.1 Program Keusahawanan dan Latihan Kemahiran.	229
4.6 Sokongan Sayap Wanita MIC dalam Bidang Sosial.....	240
4.6.1 Pendidikan	240
4.6.2 Kesihatan.....	247
4.6.3 Program Kekeluargaan dan Isu Remaja India.....	254
4.7 Kesimpulan	262
 BAB 5 MASALAH DAN CABARAN YANG DIHADAPI OLEH PERTUBUHAN BANTU MANDIRI WANITA DAN SAYAP WANITA MIC DALAM MEMAJUKAN SOSIOEKONOMI WANITA INDIA	
5.1 Pengenalan.....	265
5.2 Pertubuhan Bantu Mandiri Diri – Masalah dan Cabaran	269
5.2.1 Pandangan dan Pemikiran Wanita India.....	270
5.2.2 Bantuan Kredit Mikro.....	275
5.2.2 (a) Masalah Bahasa.....	281
5.2.2 (b) Masalah keluarga.....	282

5.2.2 (c) Tiada Sokongan Rakan Sekumpulan.....	283
5.2.2 (d) Pengetahuan Minima Berkenaan Kredit Mikro	284
5.2.3 Kekangan Kewangan dan Kekurangan Sokongan Teknikal.....	287
5.2.4 Sokongan Kerajaan yang Terhad.....	290
5.3 Sayap Wanita MIC – Cabaran dan Kekangan	300
5.3.1 ‘Leader-led Party’-Kekangan Peluang Wanita dalam Politik	303
5.3.2 Skandal Melibatkan Wanita India dalam Parti.....	307
5.3.3 Cabaran dalam Penyertaan Politik.....	309
5.3.4 Perancangan yang Tidak Menjadi.....	318
5.3.5 Kekangan dari Aspek Sumber.....	321
5.4 Kesimpulan.....	323
BAB 6 KESIMPULAN	325
RUJUKAN.....	337
LAMPIRAN	359-368

SENARAI JADUAL

		Halaman
Jadual 2.1	Bilangan Wanita India kepada setiap 1000 lelaki di Tanah Melayu, 1891-1965.....	67
Jadual 2.2	Bilangan buruh India di estet di Tanah Melayu dari tahun 1921 hingga 1947.....	68
Jadual 2.3	Bilangan buruh wanita India kepada setiap 1000 buruh lelaki India di kawasan estet di Tanah Melayu, 1921-1947.....	69
Jadual 2.4	Bilangan wanita India berpandukan kepada setiap negeri di Tanah Melayu, 1911-1957.....	69
Jadual 2.5	Jumlah peratus peminum todi lelaki dan wanita di negeri Johor pada tahun 1946.....	84
Jadual 2.6	Gaji harian buruh estet lelaki India dan wanita India di Tanah Melayu, 1915-1941 (sen).....	90
Jadual 2.7	Perbandingan kadar upah yang diterima oleh buruh wanita Cina dengan buruh wanita India di estet getah di Tanah Melayu pada tahun 1946.....	92
Jadual 2.8	Perbandingan kadar upah yang diterima oleh buruh lelaki India dengan buruh wanita India di estet getah di Tanah Melayu pada tahun 1948.....	93
Jadual 2.9	Bilangan ahli lelaki India dan wanita India dalam kesatuan sekerja di Tanah Melayu, 1951-1954.....	116
Jadual 3.1	Senarai ahli gabungan dalam Caucus of Malaysian Indian Women Leaders.....	143
Jadual 3.2	Senarai program dilaksanakan di bawah kelolaan Caucus of Malaysian Indian Women Leaders, 2002-20004.....	145
Jadual 4.1	Peratusan Ahli Wanita dalam parti politik, Majlis Tertinggi dan keahlian Dewan Rakyat di Semenanjung Malaysia setakat tahun 2008 tahun 1995.....	216

Jadual 4.2	Senarai senator dan ahli parlimen wanita India di Malaysia, 1994-2008.....	216
Jadual 4.3	Senarai wanita India dalam Kerajaan Tempatan, 1997-2003.....	217
Jadual 4.4	Pertumbuhan setinggan mengikut etnik di Kuala Lumpur, 1970-1990.....	225
Jadual 4.5	Purata pendapatan bulanan penduduk setinggan di Kuala Lumpur mengikut etnik pada tahun 1980.....	225
Jadual 4.6	Kadar kematian perinatal mengikut kaum, 1957-1970.....	247
Jadual 4.7	Kadar Mortaliti Kasar mengikut Kaum di Malaysia 1947-1970.....	248
Jadual 4.8	Jangka Hayat (lelaki & wanita) mengikut Kaum di Malaysia, 1947-1970.....	248
Jadual 5.1	Bilangan Sahabat (wanita) bangsa India yang mendapat bantuan AIM, 2005 – 2010.....	281
Jadual 5.2	Bilangan wanita yang mendapat perlindungan daripada pertubuhan WAO mengikut kaum di Semenanjung Malaysia, 1985-2010.....	288
Jadual 5.3	Bilangan penduduk kaum India berdasarkan jantina di Malaysia,1957-2010.....	298
Jadual 5.4	Bilangan kerusi mengikut kawasan Parlimen dan Negeri yang menunjukkan 10% hingga 30% bilangan pengundi kaum India.....	299
Jadual 5.5	Peratusan ahli wanita di Parlimen, 1955-2008.....	309

SENARAI SINGKATAN

AIM	Amanah Ikhtiar Malaysia
AIMST	<i>Asian Institute of Medicine, Science & Technology</i>
APDC	<i>Asian & Pacific Development Center</i>
APUCEN	<i>Asia Pacific Community Engagement Network</i>
ASB-PPRT	Amanah Saham Bumiputera – Program Pembasmian Rakyat Termiskin
ASN	Amanah Saham Nasional
AWAM	Persatuan Sayap Wanita Kuala Lumpur & Selangor
AWAS	Angkatan Wanita Sedar
AWL	<i>Association of Women Lawyers</i>
BMA	<i>British Military Administration</i>
CEA	<i>Community & Environment Awareness Program</i>
CEMACS	<i>Center for Marine & Coastal Studies</i>
CIAM	<i>Central Indian Association of Malaya</i>
CWC	<i>Central Working Committee</i>
DWCRA	<i>Development of Women in Rural Area</i>
EWRF	<i>Educational, Welfare & Research Foundation</i>
GLU	<i>General Labour Union</i>
HAWA	Unit Hal Ehwal Wanita
HVS	<i>Hind Volunteer Service</i>
IIL	<i>Indian Independent League</i>
INA	<i>Indian National Army</i>
JKEN	Jawatankuasa Kemajuan Ekonomi Negara
JKM	Jabatan Kebajikan Masyarakat

JPN	Jabatan Pendaftaran Negara
KAWAN	Kelab Amal Wanita Sri Sruti
KWKPM	Kementerian Wanita, Keluarga dan Pembangunan Masyarakat
LPP	Lembaga Pertubuhan Peladang
LPPKN	Lembaga Penduduk & Pembangunan Keluarga Negara
MAIKA	<i>MAIKA Holdings Berhad</i>
MCA	<i>Malaysian Chinese Association</i>
MGLU	<i>Malayan General Labour Union</i>
MIA	<i>Malayan Indian Association</i>
MIC	<i>Malayan Indian Congress</i>
MIED	<i>Maju Institute of Educational Development</i>
MIMI	<i>Malaysia India Magalir Iyakkam/ Persatuan Wanita India Malaysia</i>
MMI	<i>Miss Malaysia India</i>
MUT	<i>MIC Unit Trust</i>
NABARD	<i>National Bank of Agriculture & Rural Development</i>
NACIWID	<i>National Advisory Council on the Integration of Women in Development</i>
NCWO	<i>National Council of Women's Organization</i>
NESA	Syarikat Kerjasama NESA Pelbagai Berhad
NGO	<i>Non- Governmental Organization</i>
NLFCS	<i>National Land, Finance, Cooperative Society</i>
NUPW	<i>National Union of Plantation Workers</i>
PEP	<i>Personal Enhancement Program</i>
PERTIWI	Pertubuhan Tindakan Wanita Islam

PKM	Parti Komunis Malaya
PMGLU	<i>Pan-Malayan General Labour Union</i>
PMR	Penilaian Menengah Rendah
PNB	Permodalan Nasional Berhad
RJR	<i>Rani of Jhansi Regiment</i>
SEWA	<i>Self Employed Women's Association</i>
SGLU	<i>Singapore General Labour Union</i>
SITF	<i>Special Implementation Task Force on Indian Community</i>
SJKT	Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil
SME/IKS	<i>Small Medium Enterprise/Industri Kecil & Sederhana</i>
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
STPM	Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia
TUAM	<i>Trade Union Advisor of Malaya</i>
UMNO	<i>United Malays National Organization</i>
UNICEF	<i>United Nations International Children's Emergency Fund</i>
UPSR	Ujian Penilaian Sekolah Rendah
USAHANITA	Usahawan Wanita Bumiputera Melayu
VTOC	<i>Vocational Training Opportunity Centre</i>
WAO	<i>Women's Aid Organization</i>
WCC	<i>Women's Crisis Centre</i>
WFWP	<i>Women Federation of World Peace</i>
WIM	<i>Women's Institute of Management</i>
YSS	Yayasan Strategik Sosial
YWCA	<i>Young Women's Christian Association</i>

**PERANAN PERTUBUHAN BANTU MANDIRI WANITA DAN SAYAP
WANITA MIC DALAM PEMBANGUNAN SOSIOEKONOMI WANITA
INDIA DI SEMENANJUNG MALAYSIA,**

1963 – 2010

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji peranan pertubuhan bantu mandiri wanita dan Sayap Wanita MIC dalam pembangunan sosioekonomi wanita India di Semenanjung Malaysia dari tahun 1963 sehingga tahun 2010. Masalah sosioekonomi yang dialami oleh wanita India di Semenanjung Malaysia dapat dilihat dengan ketara dan salah satu sebab yang telah dikenal pasti adalah kurangnya kewujudan pertubuhan-pertubuhan bantu mandiri wanita khasnya bagi wanita India dan tahap penglibatan wanita India yang rendah dalam arena politik di negara ini. Justeru, objektif utama kajian ini adalah untuk mengkaji peranan yang telah dimainkan oleh pertubuhan-pertubuhan bantu mandiri wanita khasnya Majlis Kebangsaan Pertubuhan-pertubuhan Wanita Malaysia (NCWO), Miss Malaysia India (MMi) Care Association dan Persatuan Wanita India Malaysia (MIMI) dalam pembangunan sosioekonomi wanita India di Semenanjung Malaysia sepanjang tempoh kajian. Di samping itu, kajian ini telah menganalisis peranan Sayap Wanita MIC dalam meningkatkan kesedaran politik serta langkah yang telah diambil oleh sayap ini dalam pemerkasaan sosioekonomi wanita India di Semenanjung Malaysia sepanjang tahun 1963 sehingga 2010. Dalam pada itu, kajian ini juga telah menilai keberkesanan program yang telah dijalankan serta menganalisis masalah, kekangan serta cabaran yang telah mereka lalui sepanjang tempoh perancangan dan pelaksanaan inisiatif-inisiatif pembangunan sosioekonomi

ini. Kaedah yang telah digunakan dalam kajian ini adalah pendekatan kualitatif dan sejarah lisan. Data-data telah dikumpulkan dari arkib dan laporan-laporan tahunan setiap pertubuhan. Pendekatan sejarah lisan digunakan bagi mengutip memori dan pengalaman peribadi tokoh-tokoh yang telah terlibat secara langsung dalam pertubuhan-pertubuhan bantu mandiri ini serta Sayap Wanita MIC. Hasil kajian menunjukkan bahawa pertubuhan NCWO, MMi Care Association dan MIMI telah memainkan peranan yang penting dalam pembangunan sosioekonomi wanita India di negara ini. Penerapan kesedaran tentang kepentingan memajukan diri telah diterapkan ke dalam program-program yang meliputi pelbagai aspek cukup bagi menunjukkan tahap keprihatinan mereka terhadap kedudukan sosioekonomi wanita India di Semenanjung Malaysia. Selain itu, Sayap Wanita MIC, sebagai satu-satunya sayap politik yang mewakili wanita India telah menjalankan program ekonomi dan sosial yang jelas telah memberi satu pendedahan dan komitmen yang tinggi dalam pembangunan sosioekonomi wanita India di negara ini. Namun akibat kekangan serta masalah yang sentiasa wujud sepanjang tempoh perlaksanaan program-program pemerksaan ini, masih ramai lagi wanita India yang ketinggalan dalam perancangan pembangunan sosioekonomi yang telah sekian lama dijalankan di negara ini.

**THE ROLE OF WOMEN SELF-HELP ORGANISATIONS AND MIC
WOMEN WING IN THE SOCIOECONOMIC DEVELOPMENT OF INDIAN
WOMEN IN PENINSULAR MALAYSIA, 1963-2010**

ABSTRACT

This study aims to assess the role of women self-help organisations and MIC Women Wing in the socioeconomic development of Indian women in Peninsular Malaysia from 1963 until 2010. Socioeconomic problems faced by Indian women in Peninsular Malaysia can be seen very significantly and one of the reason that have been identified is the lack of existence of self-help organisations for women, especially for Indian women and the low participation of Indian women in the political arena in this country. Thus, the main objective of this study was to examine the role played by women self-help organisations, especially the National Council of Women's Organisations Malaysia (NCWO), Miss Malaysia India (MMi) Care Association and the Malaysian Indian Women's Association (MIMI) in the socioeconomic development of Indian women in Peninsular Malaysia from 1963 to 2010. In addition, this study has analysed the role of MIC Women Wing in increasing the political awareness as well as the steps taken by this movement in the socioeconomic empowerment of Indian women in Peninsular Malaysia during the 1963 until 2010. The study also assessed the effectiveness of the program that was conducted and analysed the problems, constraints, and challenges they went through during the planning and implementation of socioeconomic development initiatives. The method used in this study is a qualitative approach and oral history. The data were collected from the archives and from the annual reports of each organisation. Through oral

history, the memory and personal experiences shared by individual figures who were directly involved in NCWO, MIMI and MMi Care Association, as well as the MIC Women Wing, has provided valuable insights throughout this study. The results showed that NCWO, MIMI and MMi Care Association has played an important role in the socioeconomic development of Indian women in Peninsular Malaysia. The application of awareness about the importance of self-development has been implemented into programs that cover various aspects enough to show their concern for the development of the Indian women's socioeconomic condition in Peninsular Malaysia. In addition, the MIC women wing, as the only political movement representing the Indian women, has carried out economic and social programs that clearly had exposure and showed their high commitment to the socioeconomic development of Indian women in this country. However, due to the constraints and the ever-present problems during the implementation of programs of empowerment, there are still many Indian women who are lagging behind in socioeconomic development planning that has long been conducted in this country.

BAB 1

Pengenalan

1.1 Latar belakang kajian

Kajian ini mengkaji peranan pertubuhan bantu mandiri wanita atau disebut sebagai *self-help organisation* dalam Bahasa Inggeris dan Sayap Wanita MIC dalam pembangunan sosioekonomi wanita India¹ di Semenanjung Malaysia dari tahun 1963 hingga tahun 2010.

Pertubuhan bantu mandiri² merupakan satu inisiatif kolektif yang telah diambil oleh sesebuah kumpulan atau individu yang inginkan peningkatan diri. Ia sering kali merangkumi keinginan untuk meningkatkan ekonomi, menambah baik bidang pendidikan atau untuk menegenahkan masalah-masalah sosial malah ada juga pertubuhan bantu mandiri yang dibentuk untuk menjaga dan mengukuhkan hal-hal

¹ Penggunaan istilah wanita India membawa konotasi bahawa semua wanita India berasal daripada satu kumpulan etnik. Sebaliknya mereka tidak sepatutnya digolongkan dalam satu kumpulan yang homogenus. Terdapat pelbagai perkara yang membezakan wanita India, terutamanya dari aspek bahasa, kasta, agama, dan sebagainya. Dalam kajian ini, wanita India yang dimaksudkan terdiri daripada wanita dari golongan yang beragama Hindu yang merangkumi hampir 80% daripada populasi wanita India yang boleh berkomunikasi dalam bahasa Tamil.

² Pertubuhan bantu mandiri atau *self-help* juga boleh dikategorikan sebagai pertubuhan NGO kerana dari aspek tujuan serta objektif penubuhan, tidak terdapat perbezaan yang ketara antara kedua-dua klasifikasi ini. Kedua-duanya mempunyai objektif dan peranan yang sama iaitu berorganisasi, bersifat persendirian, mempunyai kemudahan dan prasarana yang mencukupi, tidak bersifat keuntungan dan menggalakkan pernyertaan ahli secara sukarela dan bukan melalui sebarang paksaan. Kedua-dua pertubuhan ini, tidak kira apa bentuk klasifikasi memainkan peranan yang signifikan dalam memikul tanggungjawab menyalurkan bantuan kepada masyarakat yang memerlukan dan bukan hanya bergantung kepada pihak kerajaan semata-mata. Bagi maklumat lanjut tentang klasifikasi NGO, sila rujuk Lester M. Salamon & Helmut K. Anheier, "The International Classification of Nonprofit Organizations: ICNPO-Revision 1, 1996." *Working Papers of the Johns Hopkins Comparative Non-profit Sector Project* (Baltimore: The Johns Hopkins Institute for Policy Studies, 1996). Penggunaan istilah NGO ini juga mempunyai perbezaan jika dibandingkan dengan beberapa negara seperti di Amerika Syarikat dikenali sebagai *Non Profit Organization* (NPOs) atau *Private Voluntary Organizations*(PVOs), di England sebagai *Voluntary Organizations* (Vos) dan di India sebagai *Voluntary Agencies* (VOs) atau *Self-Help Groups* (SHGs). Bagi mendapatkan maklumat lanjut tentang istilah, sila rujuk Clark Gerard, *The Politics of NGOs in South East Asia: Participation and Protest in the Philipines* (London: Routledge, 1998), hlm. 2.

kebudayaan dan keagamaan. Pertubuhan ini biasanya wujud akibat timbulnya kesedaran dalam kalangan ahli kumpulan bahawa satu-satunya cara untuk penambahbaikan dan peningkatan dalam kedudukan sosioekonomi adalah dengan bekerjasama antara satu sama lain.³

Selain daripada pertubuhan bantu mandiri wanita, kajian ini juga meneliti peranan yang dimainkan oleh pertubuhan politik MIC terutamanya Sayap Wanita MIC dalam pembangunan sosioekonomi wanita India di Semenanjung Malaysia. Pemerkasaan wanita yang berpotensi dalam arena politik dapat membawa perubahan dalam masyarakat termasuk dalam aspek sosioekonomi. Penglibatan wanita dalam badan-badan pentadbiran pada peringkat kebangsaan dan juga tempatan boleh membawa perubahan kepada dasar-dasar dan undang-undang yang memfokuskan kepada wanita, kanak-kanak dan keluarga. Bagi menggerakkan dan menentukan hala yang sebenar yang harus diambil oleh wanita India, kepimpinan yang cekap dan berkesan perlu diwujudkan untuk memandu kaum wanita dalam pelbagai bidang yang secara langsung atau tidak langsung akan memberi sumbangan kepada negara.

Fokus kajian ini ditumpukan kepada wanita India di Semenanjung Malaysia akibat daripada kegagalan pengkaji-pengkaji awal yang tidak memberikan perhatian kepada peranan yang telah dimainkan oleh buruh wanita India yang dibawa masuk oleh penjajah British ke Tanah Melayu. Ramai yang terlepas pandang terhadap peranan yang telah dimainkan oleh buruh wanita India yang merangkumi hampir 50

³ Anbalakan Kailasam, "Socio economic: Self-Help among Indians in Malaysia", Dalam K. Kesavapany, A. Mani & P. Ramasamy (peny), *Rising India and Indian Communities in East Asia* (Singapore: Institute of South East Asian Studies, 2008), hlm.414.

peratus⁴ daripada populasi buruh di estet. Wanita India sentiasa diibaratkan sebagai naif, pendiam, tidak agresif, pemalu dan tidak berkebolehan dalam menghadapi cabaran dalam dunia korporat. Kaum India dibawa masuk ke Tanah Melayu bertujuan untuk menjayakan dasar-dasar ekonomi British. Mulai tahun 1906 pelabur-pelabur British telah mula mengaut keuntungan melalui pelaburan mereka dalam industri getah di Tanah Melayu. Walaupun harga getah bergantung kepada pasaran dunia, industri getah di Tanah Melayu yang berkembang dengan begitu drastik telah membawa kepada permintaan buruh yang sangat tinggi. Kerajaan British mula membawa masuk golongan imigran India dan hampir 80 peratus daripada mereka datang dari selatan India. Hampir semua yang berhijrah ke Tanah Melayu adalah daripada golongan bawahan atau Dalit (*untouchables*) yang dihimpit masalah kemiskinan dan hutang keliling pinggang akibat sistem cukai yang dikenakan oleh kolonial British di India.⁵ Apabila mereka tiba di Tanah Melayu sebagai imigran, wanita India terpaksa mengharungi pelbagai pancaroba, seperti keganasan seksual dan ketidakseimbangan dalam peluang pekerjaan serta penerimaan upah⁶.

⁴ Bilangan wanita India kepada setiap 1000 orang lelaki India di Tanah Melayu meningkat dari 308 orang pada tahun 1911 kepada 750 orang pada tahun 1965. Data diperoleh daripada Kernial Singh Sandhu, *Indians in Malaya: Some aspects of their immigration and settlement* (Cambridge: Cambridge University Press, 1969), hlm.98. Pihak penjajah telah mengambil pelbagai langkah bagi menggalakkan lebih ramai wanita India di bawa masuk dari selatan India untuk mengelakkan daripada timbulnya pelbagai masalah. Masalah-masalah yang dihadapi akibat kekurangan wanita India terutamanya dari aspek sosial akan dibincangkan dengan lebih lanjut dalam bab 2.

⁵ James Hagen & Andrew Wells, "The British and rubber in Malaya, 1890-1940", Dalam G. Patmore, J. Shields & N. Balnave (peny), *The Past is Before Us: Proceedings of the Ninth National Labour History Conferences*, (Australia: University of Sydney, 2005), hlm.143-150.

⁶ Kebanyakan wanita ini telah berhijrah untuk melarikan diri belunggu diskriminasi di tanah air mereka, India. Sesetengah daripada mereka terdiri daripada janda yang tidak mahu hidup dalam kehidupan yang telah ditetapkan oleh kebudayaan mereka di kampung-kampung di India. Namun ketika mereka tiba di Tanah Melayu, mereka mendapati bahawa jaringan diskriminasi jantina masih kekal seperti sebelumnya. Ideologi gender sering melingkari kehidupan kuli wanita India ini. Beban yang mereka pikul boleh dianggap sebagai dua kali ganda. Mereka bukan sahaja buruh di ladang yang mendapat upah lebih rendah daripada buruh lelaki malah terpaksa menunaikan tanggungjawab di rumah. Selain daripada itu, eksploitasi yang mereka hadapi daripada pegawai-pegawai kolonial serta lelaki India yang lain meningkatkan lagi keperitan hidup. Sila rujuk Virginia H. Dancz, *Women and Party Politics in Peninsular Malaysia* (Singapore: Oxford University Press, 1987), hlm.59 dan Frank Heidemann, *Kanganis in Sri Lanka and Malaysia* (Munchen: Anacon-Verlap, 1992), hlm.65. Maklumat yang lebih

Masalah-masalah sosial telah memberi kesan yang agak mendalam terhadap wanita India terutamanya mereka yang berada dalam kategori bergaji rendah. Hubungan kekeluargaan menjadi renggang akibat migrasi paksaan yang menyebabkan mereka terpaksa keluar dari kawasan perladangan dan berhijrah ke kawasan bandar tanpa sebarang persediaan yang rapi.⁷ Sehubungan dengan itu, akibat tekanan serta cabaran proses perbandaran, lelaki India mula berjinak-jinak dengan pengambilan arak dan hal ini membawa kepada kekecohan rumah tangga. Akibatnya wanita India terpaksa mengambil alih peranan sebagai ketua keluarga dan bekerja demi anak-anak mereka. Penglibatan wanita India dalam alam pekerjaan memberi satu bentuk kesedaran bahawa tindakan perlu diambil bagi memperkasakan lagi kedudukan mereka dalam masyarakat setanding dengan wanita daripada kaum-kaum yang lain. Pemerksaan yang dimaksudkan di sini ialah keupayaan untuk membuat pilihan dan menukar pilihan tersebut kepada tindakan yang dapat membuahkan hasil. Menurut Amriah Buang, pemerksaan bermaksud, “...*strengthening of individuals’ and communities’ spiritual, political, social, or economic resources or capital so that they*

terperinci berkenaan keadaan sosio ekonomi wanita India sebagai imigran di Tanah Melayu akan dibincangkan dalam bab 2.

⁷ Kehidupan buruh India bergantung kepada ekonomi perladangan. Ketidakstabilan sistem ekonomi kapitalis Tanah Melayu pasca kemerdekaan telah membawa pelbagai keburukan kepada mereka. Salah satu tindakan yang telah memudaratkan lagi keadaan adalah fragmentasi estet yang bermula mulai tahun 1950-an. Para pemilik ladang berhasrat untuk menjual ladang mereka dan membawa pulang modal jualan kembali ke negara asal. Antara tahun 1950-1957, hampir 324,931 ekar tanah ladang terlibat dalam tindakan ini. Seramai 28,363 buruh ladang yang majoritinya buruh India telah hilang pekerjaan. Mereka yang berpindah atas migrasi paksaan tidak dapat mencari pekerjaan alternatif akibat tidak memiliki kemahiran yang lain. Oleh itu kadar pengangguran pada tahun 1967 dalam kalangan masyarakat India mencatatkan peratusan yang paling tinggi iaitu sebanyak 12.3 peratus. Sila rujuk Michael Stenson, *Class, race and colonialism in West Malaysia: The Indian case* (Queensland: University of Queensland, 1980), Chandra Muzaffar, “Political Marginalisation in Malaya”, Dalam K.S Sandhu & A. Mani (peny) *Indian Communities in Southeast Asia* (Singapore: Institute of Southeast Asian Studies, 1993), hlm.211-236 dan Sivachandalinggam Sundara Raja & Sivalinggam Raymond, “The lost race in British Malaya: revisiting the problems of South Indian labourers”, *Diaspora Studies* 11, no 2 (2018):115-134.

may develop and enhance their confidence in their own capacities to achieve higher, better and wiser outcomes'.⁸ Datta & Kornberg pula melihat pemerksaan sebagai,

*“empowerment includes the process by which women gain greater power over their own lives both within and outside of their home, and their power to bring about change in situation of gender inequality”*⁹

Masalah penindasan dan amalan diskriminasi serta pengabaian hak wanita telah membawa kepada penubuhan pertubuhan-pertubuhan bantu mandiri wanita dan sayap politik wanita India yang muncul sebagai aktor sosial atau sebagai kelompok/agen yang aktif dalam memperjuangkan isu-isu yang berkaitan dengan gender dan hak wanita. Istilah aktor sosial atau *social actor* yang kerap digunakan dalam kajian sosiologi ditujukan kepada individu atau kumpulan yang menggunakan pengalaman sosial yang pernah mereka lalui untuk mencari jalan bagi membawa perubahan drastik meskipun mereka terpaksa mengharungi masalah-masalah seperti kekurangan sumber atau sokongan.¹⁰ Mereka yang digolongkan sebagai aktor sosial merupakan kumpulan yang berpengetahuan dan berkebolehan dalam mencari alternatif-alternatif yang lain demi mencapai objektif mereka. Maka adalah amat sesuai jika istilah ini digunakan bagi menggambarkan perjuangan pertubuhan bantu mandiri wanita dan Sayap Wanita MIC di Semenanjung Malaysia yang diwakili oleh sekumpulan wanita yang pernah melalui marginalisasi yang ekstrem berubah menjadi agen yang membawa perubahan. Menurut Isabel Coral Cordero,

⁸ Amriah Buang, “Women and Empowerment in the Global South: Different Contexts, Different Facets”, Dalam Amriah Buang & Janet Momsen (peny), *Women and Empowerment in the Global South Women* (Selangor: Penerbit UKM, 2013), hlm.9.

⁹ Rekha Datta & Judith Kornberg (peny), *Women in developing countries: Assessing strategies for empowerment* (Boulder: Lynne Rienner, 2002), hlm.1-11.

¹⁰ Caroline O.N. Moser & Fiona Clark (peny), *Victims, Perpetrators or Actors? Gender, Armed Conflict and Political Violence* (London: Zed Books, 2005), hlm.5.

“In expressing themselves as a movement, women consolidate their role as agents in conflict resolution, in doing so, they generate substantive changes in gender identity, awareness and relations”¹¹

Pertubuhan bantu mandiri wanita di Semenanjung Malaysia ditubuhkan untuk membela semua wanita daripada pelbagai keturunan, bangsa dan agama. Walaupun pada umumnya pertubuhan bantu mandiri wanita di Semenanjung Malaysia ditubuhkan untuk memberi fokus kepada peranan mereka sebagai aktor sosial dalam memperjuangkan isu-isu gender dan hak wanita daripada aspek sosial dan ekonomi, tokoh-tokoh wanita¹² yang memegang pucuk pimpinan pertubuhan-pertubuhan ini juga telah menceburkan diri dalam arena politik bagi mendapatkan kedudukan yang lebih kukuh dan stabil. Penglibatan dalam bidang politik telah meluaskan lagi perjuangan mereka malah mereka dapat bersuara dengan lebih lantang menuntut hak kesaksamaan diberikan kepada kaum wanita.

Kekurangan pengalaman, kemahiran serta sokongan komuniti membantutkan perkembangan sosioekonomi wanita India di Malaysia. Oleh itu, kewujudan pertubuhan-pertubuhan bantu mandiri wanita dan Sayap Wanita MIC boleh dianggap sebagai satu strategi yang berkesan untuk memperkasakan wanita India bukan hanya di kawasan perladangan malah di kawasan bandar kerana pertubuhan-pertubuhan ini

¹¹ Isabel Coral Cordero, “Social Organizations: From Victims to Actors in Peace Building”, Dalam Caroline O.N. Moser & Fiona Clark (peny), *Victims, Perpetrators or Actors? Gender, Armed Conflict and Political Violence* (London: Zed Books, 2005), hlm.152.

¹² Tokoh-tokoh dari Wanita UMNO seperti Fatimah Hashim dan Zaleha Ismail pernah memegang jawatan Presiden NCWO (masing-masing pada penggal ke-2 hingga ke-12 dan penggal ke-13 hingga ke-18) dan Rasammah Bhupalan sebagai Setiausaha Agung NCWO dan pada masa yang sama melibatkan diri secara aktif dalam Parti MIC. Ini sebahagiannya kerana pemimpin-pemimpin sayap wanita parti-parti politik yang komited terhadap isu-isu wanita dan dipercayai boleh bersifat neutral daripada pengaruh politik kepartian dan perkauman. Dengan pemilihan tokoh wanita parti politik pemerintah, kerjasama dan persefahaman pertubuhan bantu mandiri wanita dengan kerajaan dapat ditingkatkan dan lebih terjamin. Untuk maklumat lanjut tentang penglibatan tokoh politik wanita dalam pertubuhan NGO, sila rujuk Makmor Tumin, *Wanita di Malaysia: Perjuangan Menuntut Hak* (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2006), hlm.45.

sanggup berjuang bersama wanita-wanita ini dalam pelbagai isu seperti pendidikan, kesihatan, penjagaan kanak-kanak dan mendapatkan bantuan kredit sebagai salah satu cara untuk menjana pendapatan bagi wanita-wanita ini. Berpandukan kepada kepercayaan bahawa satu-satunya cara untuk memperbaiki kehidupan adalah dengan peningkatan kuasa dan kawalan terhadap seseorang individu atau sesetengah komuniti, maka kajian ini akan menumpukan kepada pertubuhan-pertubuhan bantu mandiri wanita dan Sayap Wanita MIC yang telah bertindak sebagai aktor sosial atau kelompok/agen yang aktif dalam pembangunan sosioekonomi wanita India di Semenanjung Malaysia.

Pertubuhan bantu mandiri wanita yang dipilih bagi tujuan kajian ini terdiri daripada pertubuhan yang bukan semata-mata mewakili wanita India malah pertubuhan-pertubuhan yang mewakili semua wanita di Malaysia. Antara pertubuhan bantu mandiri yang ditubuhkan khas untuk membantu dalam pembangunan sosioekonomi wanita India di Malaysia ialah Persatuan Wanita India Malaysia atau lebih dikenali sebagai MIMI (*Malaysia India Magalir Iyakkam*) yang ditubuhkan pada tahun 1992. Persatuan ini merupakan pertubuhan bantu mandiri yang ditubuhkan khas untuk memberi fokus kepada wanita India dalam mengharungi pergolakan serta keperitan hidup serta mencari jalan untuk membantu meningkatkan taraf sosioekonomi kaum wanita India di Malaysia. Dua lagi pertubuhan bantu mandiri yang telah dipilih untuk dikaji bersama adalah Majlis Kebangsaan Pertubuhan Wanita Malaysia (National Council Women's Organization / selepas ini disebut NCWO) dan *Miss Malaysia India Care Association* (selepas ini disebut MMi Care Association)¹³

¹³ Pertubuhan MIMI dan MMi Care Association boleh diklasifikasikan dalam kategori *Operational and Advocacy/Campaigning* di mana pertubuhan seperti ini memobilasikan sumber (tidak kira sumber kewangan, sukarelawan atau peralatan) dengan tujuan untuk '*achieve small-scale change directly*

Pertubuhan NCWO telah ditubuhkan pada tahun 1963 dan telah berfungsi sebagai badan penasihat serta perunding dalam peningkatan status golongan wanita tidak mengira kaum atau agama serta melibatkan kaum wanita dalam pembangunan negara. Pertubuhan ini juga telah banyak membantu dalam menangani perkara-perkara yang berkaitan dengan penindasan, ketidakadilan, amalan diskriminasi dan pengabaian yang mengakibatkan penganiayaan terhadap kaum wanita di negara ini. Peranan dan kegiatan NCWO bukan hanya memberi input ke arah penggubalan polisi dan undang-undang malah mereka terlibat secara langsung dalam melaksanakan program serta melakukan pemantauan akan keberkesanan program, polisi dan undang-undang tersebut.¹⁴ Kajian ini meneliti isu-isu yang diperjuangkan oleh NCWO seperti isu perundangan, ekonomi dan pekerjaan, pendidikan serta sosial dan sejauh manakah usaha ini telah membawa kepada peningkatan sosioekonomi wanita India di Malaysia.

MMi Care Association yang ditubuhkan pada tahun 2003 ialah pertubuhan bantu mandiri yang ditubuhkan khas untuk membawa perubahan dalam diri serta perwatakan wanita India terutamanya gadis-gadis muda India dalam lingkungan umur 17 hingga 30 tahun. Antara sasaran pertubuhan ini adalah memberi penghormatan dan pengenalan diri yang sewajarnya kepada wanita muda India serta menerapkan tahap

through project'. Fokus projek yang dilakukan lazimnya berkisar kepada pembasmian kemiskinan, pendidikan, isu kebajikan awam dan sebagainya. Dana yang digunakan biasanya dipohon daripada kerajaan, swasta atau orang ramai. NCWO pula boleh diklasifikasikan sebagai *Campaigning* yang mana ianya bertujuan untuk '*active large scale change promoted indirectly through influence of political system*'. Pertubuhan bantu mandiri kategori ini memerlukan sekumpulan ahli profesional yang cekap dan berkesan terutamanya dalam menjalankan aktiviti-aktiviti yang lebih tertumpu kepada usaha untuk mengubah dasar-dasar awam di sesebuah negara. Maklumat diperolehi daripada Peter Willets, "What is Non-Governmental Organization?", *Research Project on Civil Society Networks in Global Governance* (London: City University, 2002) dan Mazlan Che Soh dan Makmor Tumin, "Sejarah dan perkembangan Badan Bukan Kerajaan (NGO) Kesihatan di Malaysia sehingga tahun 2015", *Sejarah*, No 26, Bil 2, 2017: 49-70.

¹⁴ Makmor Tumin, *Wanita di Malaysia*, hlm.45.

keyakinan diri yang tinggi dalam diri mereka.¹⁵ Dalam kajian ini, penelitian dilakukan terhadap sejauh manakah perubahan yang dibawa oleh pertubuhan ini telah meningkatkan profil, memberi pengiktirafan serta nilai komersial dalam diri wanita India di Malaysia.

Selain daripada peranan yang dimainkan oleh pertubuhan bantu mandiri wanita tumpuan kajian juga ditujukan kepada peranan yang digalas oleh Sayap Wanita MIC dalam pembangunan sosioekonomi wanita India di Malaysia. Ketiadaan sebarang penglibatan wanita India dalam arena politik sebelum zaman perang menunjukkan tahap kesedaran yang kurang dalam diri mereka.¹⁶ Walaupun terdapat beberapa pertubuhan India seperti *Central Indian Association of Malaya* (CIAM) dan *Malayan Indian Association* (MIA) yang ditubuhkan pada tahun 1930an, malangnya pucuk pimpinan pertubuhan-pertubuhan tersebut dipegang oleh golongan lelaki sahaja.

Zaman pendudukan Jepun telah memberi kesan yang agak mendalam dalam membangkitkan semangat kebangsaan dan meningkatkan tahap kesedaran politik penduduk di Tanah Melayu termasuk kaum India. Penubuhan rejimen Rani Jhansi, sebuah pasukan tentera sayap wanita di bawah Tentera Nasional India telah melahirkan beberapa tokoh wanita India yang terkenal seperti Janaky Athi Nahappan¹⁷

¹⁵ Temu bual bersama Puan Pushparani di Pejabat NCWO pada 24 Januari 2018.

¹⁶ Dancz, *Women and Party Politics*, hlm.69.

¹⁷ Puan Sri Janaky Athi Nahappan adalah wanita pertama yang menyertai Tentera Nasional India (INA) apabila berusia 16 tahun. Beliau memegang jawatan sebagai Kapten serta menjadi Penolong Pegawai Memerintah dalam Rejimen Rani Jhansi, satu-satunya sayap wanita di bawah INA. Selepas Perang Dunia Kedua, beliau muncul sebagai aktivis kebajikan. Pada tahun 1946 beliau telah membantu John Thivy dalam mengasaskan Kongres India Malaya atau lebih dikenali sebagai Parti MIC dan telah menerajui bahagian Wanita MIC Kebangsaan selain menjadi Pengerusi MIC cawangan Batu dan ahli wanita pertama dalam Jawatankuasa Kerja Pusat (CWC). Beliau juga merupakan wanita India pertama yang diberi jawatan Senator di Dewan Negara pada tahun 1982. Puan Sri Janaky juga terbabit dalam pertubuhan NCWO dan pelbagai pertubuhan kebajikan yang lain. Beliau pernah menerima pelbagai anugerah dan pengiktirafan di peringkat kebangsaan serta antarabangsa dan pada tahun 2000, menjadi wanita India pertama yang berasal dari luar negara India menerima anugerah tertinggi negara berkenaan iaitu Padma Shri sebagai mengiktiraf kerja kebajikan dan juga sumbangan dalam INA.

dan Rasammah Bhupalan. Walaupun begitu semangat nasionalisme yang ditunjukkan oleh wanita India pada ketika itu mula pudar selepas Perang Dunia Kedua.

Penubuhan parti MIC pada tahun 1946 tidak membawa banyak perubahan kepada kedudukan wanita India pada ketika itu. Malah dalam perlembagaan MIC yang digubal pada tahun 1946 tidak dinyatakan tentang penubuhan sayap wanita. Hanya mulai tahun 1955, atas inisiatif Devaki Krishnan (bekas anggota rejimen Rani of Jhansi), cawangan wanita negeri Selangor telah dimulakan. Walaupun aktiviti-aktiviti seperti jahitan, masakan serta kelas pemulihan dijalankan, sokongan daripada wanita India amat kurang. Selepas Tan Sri V. Manickavasagam mengambil alih tampuk pentadbiran MIC pada tahun 1973 menggantikan Tun V. T Sambanthan, beliau mula mengambil langkah untuk menarik perhatian wanita menjadi ahli dan berjaya menubuhkan bahagian wanita dalam parti MIC pada 6 Julai 1975 dan seterusnya Sayap Wanita MIC peringkat kebangsaan pada 12 Oktober 1975.¹⁸

Tujuan penubuhan Sayap Wanita MIC peringkat kebangsaan pada asalnya adalah meningkatkan sokongan wanita India kepada pergerakan politik orang India di Tanah Melayu. Apabila berlaku peningkatan dari aspek sokongan, hal ini akan memudahkan perancangan bagi pembangunan sosioekonomi wanita India serta memulakan dan mengimplementasikan program dan projek bagi pembangunan sosioekonomi wanita India di Malaysia. Oleh itu dalam konteks kajian ini peranan pertubuhan bantu mandiri wanita serta Sayap Wanita MIC amat penting dalam membangkitkan kesedaran bahawa wanita India juga mempunyai potensi serta berkebolehan untuk mencapai kejayaan dalam segala lapangan yang mereka ceburi.

¹⁸ Dancz, *Women and Party Politics*, hlm 18.

1.2 Tinjauan Literatur

Sejarah telah membuktikan bahawa wanita telah mula melibatkan diri dalam bidang ekonomi sejak dahulu lagi. Di Malaysia, sebelum kemerdekaan, penglibatan wanita dalam bidang pekerjaan amat ketara terutamanya dalam membantu suami untuk mendapatkan lebih pendapatan. Jikalau penanaman padi menjadi dominasi wanita Melayu, wanita Cina dan India masing-masing boleh dilihat di lombong-lombong bijih timah dan di ladang-ladang getah, lada hitam dan gambir.¹⁹

Menurut kajian yang telah dilakukan oleh United Nations Development Programme (UNDP) dengan kerjasama Kementerian Wanita, Keluarga dan Pembangunan Masyarakat (KWKPM) jelas menunjukkan terdapat peningkatan yang agak tinggi dari segi penglibatan wanita dalam bidang pekerjaan di Malaysia. Pada tahun 1990, peratus penglibatan wanita dalam bidang pekerjaan berada pada tahap 47.8%, tahun 1995 sebanyak 44.7%, tahun 2000 meningkat kepada 47.2% manakala pada tahun 2005 ia menurun kepada 45.9%. Pada tahun 2010, peratusan penglibatan mereka meningkat semula kepada 46.8%.²⁰ Ini menunjukkan bahawa sepanjang 3 dekad, penyertaan wanita dalam sektor pekerjaan menunjukkan peratusan yang agak seimbang iaitu di antara 44% - 47%. Jika ditinjau daripada aspek peratusan etnik, pada tahun 1990 wanita Melayu menduduki tangga teratas iaitu sebanyak 57.0% diikuti dengan wanita India sebanyak 51.1% dan wanita Cina pula sebanyak 48.1%. Selepas

¹⁹ Masidah Abdul Majid & Wardah Fatimah Mohammad Yusof, “*Women as skilled labour in the construction industry in Malaysia: Potential and Constraints*”, International Conference on Social Science Research (ICSSR), Kuala Lumpur, 2015.

²⁰ Study to support the development of national policies and programmes to increase and retain the participation of women in Malaysian labour force: Key findings & recommendations: A Ministry of Women, Family and Community Development and United Nations Development Programme (UNDP) Project (Kuala Lumpur: Ministry of Women, Family and Community Development, September 2014). Sila rujuk juga Department of Statistics Malaysia, Labor Survey Report 2008, Putrajaya.

20 tahun, iaitu perangkaan pada tahun 2010 menunjukkan wanita Cina menduduki tangga teratas iaitu sebanyak 49.9% sedangkan penglibatan wanita Melayu dan India masing-masing menurun kepada 46.5% dan 43.4%.²¹

Penglibatan kaum wanita dalam bidang ekonomi nampak lebih ketara dalam bidang perusahaan mikro atau perusahaan kecil dan sederhana. Bagi meningkatkan penyertaan dalam bidang ini, modal sosial (*social capital*) perlu diberi kepada golongan wanita. Modal sosial merangkumi rangkaian informal rakan-rakan, keluarga, sanak saudara, kumpulan kerja, kelab atau sesuatu pertubuhan yang memberi sumbangan dalam bidang perusahaan mikro dalam bentuk informasi, keyakinan diri, serta nasihat profesional. Satu kajian yang telah dilakukan oleh beberapa pengkaji tempatan dari Universiti Malaysia Kelantan pada tahun 2014 bagi mengenal pasti hubung kait antara modal sosial dengan tahap penglibatan wanita dalam perusahaan mikro di Kelantan mendapati bahawa terdapat hubungan yang sangat signifikan antara pemberian modal sosial dengan peningkatan prestasi wanita dalam perusahaan mikro.²² Kajian ini juga membuktikan bahawa kewujudan pertubuhan-pertubuhan bantu mandiri yang dikhaskan untuk wanita dapat meningkatkan taraf sosioekonomi kaum wanita.

Kewujudan pertubuhan bantu mandiri amat sesuai bagi memikul tanggungjawab sampingan dalam menyalurkan bantuan kepada masyarakat yang memerlukan dan bukan hanya bergantung kepada pihak kerajaan semata-mata. Seperti

²¹ Economic Planning Unit, *Second Outline Perspective Plan 1991-2000* (Kuala Lumpur: Prime Minister Department Malaysia, 1991) & Economic Planning Unit, *Third Outline Perspective Plan 2001-2010* (Kuala Lumpur: Prime Minister Department Malaysia, 2001).

²² Isidore Ekpe, "Enhancing the Socio-Economic Wellbeing of Malaysia local women through social capital and micro-enterprise performance", *Journal of Entrepreneurship and Business* 3, no 2 (2015): 13-25.

yang telah diucapkan oleh isteri mantan Perdana Menteri keempat, Dr Siti Hasmah semasa beliau melawat pertubuhan Development of Women in Rural Area (DWCRA) di Andra Pradesh, India pada tahun 2002;

“The concept of thrift and self-help would enable women to become leaders of the state and the nation and enjoy the same opportunities as everybody else in the world.”²³

Pada awal pembentukan pertubuhan bantu mandiri ini, ramai yang menganggap peranan yang dimainkan oleh mereka kurang penting dan hanya terlibat dalam hal-hal sosial seperti memenuhi keperluan kos persekolahan, bantuan kos mengubat penyakit dan sebagainya. Walau bagaimanapun, pandangan masyarakat telah mula berubah apabila pertubuhan ini muncul sebagai sebuah badan yang memainkan peranan aktif dalam memenuhi keperluan ekonomi dan memberi khidmat kewangan kepada ahli. Menurut Lokesh dalam kajiannya pada tahun 2009 yang berkaitan dengan peranan bantu mandiri dalam mengubah keadaan sosioekonomi masyarakat miskin di India, beliau mendapati hampir 54% responden yang menyertai pertubuhan ini adalah untuk tujuan kewangan manakala 32% lagi menyertainya untuk pembangunan personaliti, 10% lagi untuk mendapat pinjaman kewangan dan baki 4% untuk tujuan rekreasi.²⁴

Di negara sedang membangun seperti Tanzania, kemunculan pertubuhan bantu mandiri sudah menjadi satu kebiasaan. Ia muncul dalam pelbagai kategori seperti perbadanan kredit serta simpanan, badan-badan perniagaan, pertanian dan sebagainya. Daripada kajian, didapati perkhidmatan bantu mandiri yang paling ketara ialah

²³ Syed Amin Jafri, “AP women group impress Malaysia PM’s wife”, *www.rediff.com*, October 17, 2002. Dimuat turun pada 23 Oktober 2017.

²⁴ Harinath Chandrashekar & Macharla Lokesh, “Role of SHGs in socio economic change of vulnerable poor”, *International NGO Journal* 4, no 4 (2009):127-131.

perkhidmatan kewangan mikro. Peranan yang dimainkan oleh pertubuhan ini sangat penting dalam memenuhi keperluan masyarakat miskin yang sangat memerlukan bantuan daripada aspek kewangan atau bantuan pinjaman untuk memulakan perniagaan secara kecil-kecilan.²⁵ Pertubuhan bantu mandiri mempunyai peranan ekonomi yang signifikan dalam memberi perkhidmatan kewangan kepada masyarakat luar bandar serta untuk industri kecil dan sederhana (IKS/SMEs) dengan kadar dan risiko yang rendah berbanding dengan apa yang ditawarkan oleh institusi kewangan yang formal.²⁶

Pertubuhan bantu mandiri juga memberi sumbangan yang sangat ketara dalam pembangunan ekonomi wanita di negara-negara membangun. C.C. Sambu telah mengkaji penglibatan wanita dalam pertubuhan ini di Kenya. Beliau mendapati dengan penglibatan kaum wanita dalam pertubuhan ini, mereka memperoleh penguasaan yang lebih dari aspek ekonomi terutamanya tentang cara penjimatan wang, kemudahan pinjaman serta latihan-latihan. Pertubuhan ini telah menggalakkan kaum wanita untuk menyimpan wang bagi keperluan masa depan atau melabur semula wang mereka dalam aktiviti keusahawanan. Dengan penyertaan dalam pertubuhan ini, mereka dapat menikmati kemudahan-kemudahan daripada institusi kewangan dengan lebih mudah dan mampu memperoleh kemudahan pinjaman yang lebih besar berbanding keadaan sebelum penyertaan. Mereka juga memperoleh pelbagai kemahiran seperti

²⁵ Deogratis B. Aikaruwa, Gerald A. Sumari, & Grace N. Maleko, "Social functionality of self-help group in Tanzania", *Journal of Business Administration and Education* 5, no2 (2014): 98-136.

²⁶ Basili S.A. Liheta & Uronu A.A., *Fighting poverty through informal financial self-help groups: A study of two villages in Dodoma Region* (Tanzania: Moshi University College of Cooperatives and Business Studies, 2004).

peningkatan aset mereka, kemahiran simpan kira, berbelanja secara berhemat dan meluaskan penyertaan dalam bidang pelaburan.²⁷

Menurut Uma Narang, penglibatan golongan wanita dalam pertubuhan bantu mandiri di India menjadi sangat ketara mulai tahun 1992. Berpandukan kepada data yang dikeluarkan oleh National Bank of Agriculture and Rural Development (NABARD), hampir 24.25 juta masyarakat miskin telah menikmati kemudahan daripada institusi kewangan formal melalui program yang dijalankan oleh pertubuhan ini dan hampir 90% daripada mereka adalah golongan wanita. Beliau mendapati apabila golongan wanita menyertai pertubuhan ini, ia akan meningkatkan tahap penguasaan mereka dalam membawa perubahan kepada kedudukan ekonomi, meningkatkan penglibatan awam, meningkatkan harga diri serta penghormatan sendiri dan sekali gus meningkatkan status wanita yang dahulunya kurang diberi perhatian akibat penindasan serta eksploitasi.²⁸

Peranan pertubuhan bantu mandiri telah banyak dibincangkan dalam aspek pemberian bantuan mikro kredit kepada golongan wanita terutamanya di negara dunia ketiga. Salah satu contoh yang sangat ketara berlaku di Kenya di mana hampir 47.4% wanita Kenya melibatkan diri dalam bidang keusahawanan atau perniagaan kecil dan sederhana. Seperti di negara-negara membangun yang lain, golongan wanita ini juga menghadapi pelbagai dugaan dan cabaran terutamanya dalam mendapatkan bantuan kewangan, aspek diskriminasi gender, mendapat kelulusan dan permit perniagaan dan

²⁷ Sambu Charity Chepchirchir, "Impact of women participation in self-help groups on self economic empowerment in Nakura County", *Interdisciplinary Journal of Contemporary Reserach in Business* 5, no 4 (2015): 382-405.

²⁸ Uma Narang, "Self-Help group: An effective approach to women empowerment in India", *Interdisciplinary Journal of Social Sciences & Interdisciplinary Research* 1, no 8 (2012): 1-9.

sebagainya. Bagi mengatasi masalah ini beberapa pertubuhan bantu mandiri telah ditubuhkan seperti *Care International*, *World Vision* dan *Plan International* yang menghulurkan bantuan dari aspek kebajikan, khidmat kesihatan, perundangan, inovasi teknikal, mendapatkan bantuan kewangan serta pinjaman dan sebagainya.²⁹

Satu kajian lapangan telah dilakukan di Afghanistan pada tahun 2010 berkenaan pemberian kuasa dan pengiktirafan kepada golongan wanita di sana. Hasil kajian mendapati program pembangunan kemasyarakatan yang diadakan dengan melibatkan wanita Afghan dapat meningkatkan penyertaan mereka dalam aktiviti-aktiviti luaran malah masyarakat mula menerima kewujudan wanita dalam bidang pentadbiran tempatan, perkhidmatan awam, perkhidmatan keselamatan dan sebagainya. Seperti yang dinyatakan:

*“ ...the evidence suggests that the strategy of empowering women through the provision of development programs that mandate female participation can work even in environment where women are subject to very high levels of discrimination ”*³⁰

Kajian ini juga menekankan bahawa walaupun penglibatan wanita konservatif ini meningkat dalam aktiviti luaran, mereka tidak sama sekali melupakan tugas mereka dalam urusan kekeluargaan. Ini membuktikan bahawa kewujudan pertubuhan bantu mandiri dapat meningkatkan penyertaan wanita dalam program-program pembangunan serta aktiviti luaran sekalipun terpaksa berdepan dengan tahap diskriminasi yang tinggi.

²⁹ Fridah Muriungi Mwobobia, “The challenges facing small-scale women entrepreneurs: A case of Kenya”, *International Journal of Business Administration* 3, no 2 (2012): 112-121.

³⁰ Andrew Beath, Fotini Christia & Ruben Enikolopov, “Empowering women through development aid: Evidence from a field experiment in Afganistan”, *American Political Science Review* 107, no 3 (2013): 540-557.

Menurut Coleman, pertubuhan bantu mandiri mampu mencetuskan satu revolusi sosioekonomi dalam sesebuah negara. Beliau berpendapat bahawa melalui penyertaan dalam pertubuhan ini, masyarakat telah mula melangkah keluar daripada ikatan tradisi serta telah menunjukkan kemajuan dan peningkatan dalam keadaan sosioekonomi mereka di mana mereka telah mencapai kebebasan ekonomi, melibatkan diri dengan lebih aktif dalam pentadbiran tempatan dan mempunyai kesedaran pendidikan yang sangat tinggi.³¹

Pertubuhan *Self Employed Women's Association* (SEWA), sebuah pertubuhan bantu mandiri yang ditubuhkan di India telah lama berkecimpung sejak tahun 1972 dalam menegakkan keadilan bagi wanita. SEWA merupakan sebuah organisasi untuk wanita telah memainkan peranan yang agak ketara dalam membantu wanita di India untuk meningkatkan jati diri dan mencari peluang untuk melibatkan mereka dalam alam pekerjaan. Salah satu cara yang telah diambil oleh organisasi ini ialah melalui rancangan radio. Mereka mendapati bahawa wanita di India dapat didekati melalui rancangan radio kerana kajian mendapati bahawa wanita di India amat suka mendengar radio tidak kira di bandar atau di desa. Mereka memulakan inisiatif ini dengan mengadakan rancangan radio pada setiap hari Ahad selama 15 minit bermula pukul 8 malam. Apabila mereka mula mendapat sambutan hangat, maka pada tahun 2009, SEWA telah berjaya menubuhkan stesen radio mereka sendiri yang menawarkan pelbagai program yang memberi fokus kepada pelbagai topik, contohnya berkaitan isu agama, sosial, politik dan ekonomi. Melalui penggunaan media komunikasi seperti ini, SEWA dapat mengenal pasti masalah sebenar yang dihadapi oleh wanita di India,

³¹ Brett E. Coleman, "The impact of group lending in Northeast Thailand", *Journal of Development Economics* 60, no 1(1999): 105-141.

luahan perasaan, serta permintaan mereka yang perlu diberi perhatian. Program ini juga telah memberi keyakinan yang tinggi dalam kalangan wanita di India tentang potensi sebenar mereka yang boleh membawa perubahan kepada komuniti mereka.

“ SEWA Academy has reached out to the communities very effectively and efficiently, enabling them to build the capacities of women, making them realise their potentials as active agents of change in their village. Indeed community radio proves to be a powerful tool towards the empowerment of women, particularly the women labourers SEWA closely work with ”³²

Jikalau dilihat dari konteks Malaysia, peranan pertubuhan bantu mandiri seperti badan-badan koperasi amat ketara dalam kalangan masyarakat Melayu. Bantuan kredit serta pinjaman diberi dalam bentuk penglibatan dalam syarikat-syarikat kerjasama serta badan-badan koperasi. Contohnya, peranan yang dimainkan oleh Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) yang ditubuhkan pada tahun 1973 telah mewujudkan satu unit khas untuk wanita Melayu supaya mereka dapat bergiat dengan aktif dalam koperasi yang berasaskan pertanian. Penyertaan wanita Melayu dalam sektor pertanian boleh ditingkatkan lagi dengan adanya syarikat kerjasama yang berasaskan pertanian. Oleh itu LPP telah mengambil inisiatif menubuhkan syarikat-syarikat kerjasama yang berasaskan pertanian dan dikelolakan oleh wanita sendiri dan membolehkan wanita Melayu yang berminat dalam bidang pertanian bersatu untuk menjalankan projek yang sesuai dengan mereka. Salah satu syarikat kerjasama yang dikelolakan oleh wanita yang paling aktif adalah di Perak iaitu Syarikat Kerjasama Kaum Ibu Mukim Selama di Sungai Bayor, Selama, Perak. Syarikat tersebut bukan sahaja menjalankan aktiviti seperti pinjam meminjam, pelaburan modal, menyediakan barang-barang dan alat pekakas untuk kegunaan harian di rumah dan ladang malah

³² Namrata Bali, “SEWA: Helping women find their voice”, www.isiswomen.org. Dimuat turun pada April 4, 2017.

mempunyai sebuah kilang padi untuk mengilang padi hasil tanaman penduduk di kawasan itu.³³

Satu lagi bukti yang menunjukkan kejayaan penglibatan wanita Melayu dalam bidang koperasi adalah dengan penubuhan “*The Alor Pongsu Women Padi Planters Seasonal Cooperative Credit Society Limited*” yang telah didaftarkan di kawasan Bagan Serai, Perak pada tahun 1948. Pada masa itu koperasi ditubuhkan bagi melaksanakan program kerajaan dalam membasmi hutang akibat amalan riba dalam kalangan masyarakat kampung dan pekerja termasuk kakitangan kerajaan. Wanita menjadi penggerak utama bagi menjayakan program ini di kampung-kampung. Koperasi ini bukan sahaja berjaya membebaskan ahli-ahlinya daripada belenggu beban hutang dan menebus tanah mereka malah berjaya meminda undang-undang kecilnya pada tahun 1970 bagi membolehkannya mempelbagaikan kegiatan dalam usaha memberi perkhidmatan yang lebih baik kepada anggotanya. Namanya juga telah diubah kepada Syarikat Kerjasama Kaum Ibu Mukim Bariah Berhad.³⁴

Sejarah penubuhan Syarikat Kerjasama Kaum Ibu Mukim Lenggeng Berhad juga menarik untuk dijadikan contoh. Koperasi yang ditubuhkan pada tahun 1968 ini diasaskan selepas kegagalan tiga buah koperasi yang dianjurkan oleh kaum bapa. Ia diasaskan oleh sekumpulan kaum ibu yang insaf akan kesusahan masyarakat kampung ketika itu untuk membiayai persekolahan anak-anak. Mereka menghadapi cemuhan dan sindiran dan daya usaha mereka diperkecil-kecilkan. Namun, berkat kegigihan nampak hasilnya. Dengan hanya mengumpul yuran 10 sen sehari atau M\$2.50 sebulan,

³³ Badan Petugas Lembaga Pertubuhan Peladang, “Kedudukan Sayap Koperasi Wanita di Malaysia”, Fail Arkib Negara, No Fail PTW45 2010/0005896.

³⁴ Utusan Malaysia, Disember 24, 2014.

setelah hampir 20 tahun beroperasi koperasi ini berjaya mengumpul yuran ahli sehingga mencapai M\$273,789.00. Dengan wang yang terkumpul mereka berjaya mengatasi masalah pembiayaan persekolahan anak-anak anggota koperasi. Selain daripada memberi derma dan insentif kepada anak-anak yang berjaya, mereka juga memberi pendahuluan kepada anak-anak anggota koperasi yang berjaya memasuki institusi pengajian tinggi. Di samping itu, koperasi ini juga memberi pinjaman untuk keperluan lain seperti baiki rumah, membersih dan mengerjakan ladang, modal perniagaan, pembelian perabot dan sebagainya.³⁵

Kajian-kajian awal berkenaan peranan pertubuhan bantu mandiri wanita membuktikan bahawa kewujudan pertubuhan seperti ini dapat memberi impak yang positif terhadap pembangunan sosioekonomi wanita tidak kira di luar negara atau di negara kita, Malaysia. Daripada kajian awal didapati tidak terdapat sebarang kajian yang memberi fokus kepada peranan pertubuhan bantu mandiri dalam pembangunan sosioekonomi wanita India di Malaysia malah kewujudan pertubuhan seperti MIMI, MMi Care Association dan peranan Sayap Wanita MIC dalam gerakan bantu mandiri tidak dinyatakan sama sekali dalam mana-mana kajian. Malah Sayap Wanita MIC hanya dikaitkan dengan perkembangan politik wanita India seolah-olah mereka tidak menyumbangkan sebarang bantuan sosioekonomi kepada wanita India di Semenanjung Malaysia. Kekosongan yang wujud membuktikan bahawa kajian yang teliti perlu dilakukan bagi mengenalpasti peranan pertubuhan bantu mandiri dan Sayap Wanita MIC dalam meningkatkan taraf sosioekonomi wanita India di Malaysia.

³⁵ Utusan Malaysia, 24 Disember, 2014.

Kajian berkenaan peranan NCWO dalam mengengahkan pelbagai isu dan masalah yang berkaitan dengan kepentingan wanita di Malaysia telah dilakukan oleh Makmor Tumin pada tahun 2006. Beliau telah membincangkan tentang peranan pertubuhan ini dalam mendapatkan pembelaan terhadap isu-isu dan masalah yang berkaitan dengan penindasan, ketidakadilan, amalan diskriminasi serta penganiayaan yang berlaku terhadap sebahagian wanita di Malaysia. Antara pembelaan yang dituntut ialah jaminan kerajaan untuk mengambil langkah-langkah bagi menangani isu dan masalah berkenaan dengan penggubalan dasar atau undang-undang tertentu.³⁶ Walaupun kajian beliau berkisar tentang peranan NCWO, kajian ini tidak memberi penjelasan yang spesifik terhadap peranan pertubuhan bantu mandiri ini serta impak penggubalan dasar dan undang-undang ke atas wanita India di Malaysia. Sejauh manakah kewujudan pertubuhan ini telah membantu dalam peningkatan sosioekonomi wanita India di Malaysia sejak penubuhannya pada tahun 1962 perlu dikupas malah sesuatu yang menarik di sini adalah dari aspek tampuk kepimpinan NCWO itu sendiri telah melibatkan beberapa wanita India terkemuka seperti Rasammah Bhupalan dan Ramani Gurusamy.

Sebagai salah satu kaum utama di Malaysia, banyak kajian telah dijalankan tentang kaum India di negara ini. Kajian-kajian tersebut membincangkan pelbagai isu yang berlaku dalam kalangan kaum India seperti imigrasi, perburuhan, soal identiti, sosial, ekonomi dan politik. Antara kajian awal tentang kaum India di Tanah Melayu telah dijalankan oleh K. S. Sandhu. Beliau telah membincangkan tentang imigrasi kaum India ke Tanah Melayu serta penempatan mereka di negara ini antara tahun 1786

³⁶ Makmor Tumin, *Wanita di Malaysia*, 2006.

hingga 1957.³⁷ Kajian ini memfokuskan kepada faktor-faktor yang membawa kepada imigrasi kaum India serta pengambilan buruh India untuk bekerja di Tanah Melayu. Beliau juga membuat penelitian tentang peranan imigran wanita India dalam industri perladangan tetapi cakupan isu yang berkaitan dengan imigran wanita India adalah amat sedikit seolah-olah menunjukkan peranan imigran wanita India tidak penting sama sekali. Malah kajian beliau berhenti setakat tahun 1957 dan kajian lanjutan perlu dilakukan untuk mengenal pasti apakah bentuk pergolakan sosioekonomi yang dihadapi oleh wanita India selepas negara mencapai kemerdekaan.

S. Arasaratnam pula telah menjalankan kajian tentang kaum India di Malaysia dan Singapura dengan memberi penekanan kepada hubungan India dengan Tanah Melayu, imigrasi kaum India, perkembangan politik kaum India, kesatuan sekerja, agama dan reformasi sosial kaum India, isu pendidikan serta perpaduan dalam kalangan kaum India. Apa yang menarik dalam kajian ini ialah beliau telah menyentuh dengan mendalam tentang peranan kesatuan sekerja iaitu National Union of Plantation Workers (NUPW) yang telah ditubuhkan pada bulan September 1954. Beliau telah memberi penerangan yang komprehensif tentang peranan kesatuan ini dalam membela kehidupan pekerja ladang India di estet termasuk golongan wanita. Antara perkara yang diperjuangkan adalah berkenaan hak milik ladang, gaji minimum bagi pekerja ladang, hari cuti, skim takaful untuk warga emas, bantuan biasiswa dan pendidikan untuk anak-anak pekerja ladang, menyelesaikan masalah minuman keras dalam

³⁷ Sandhu, *Indians in Malaya*, 1969. Bagi maklumat lanjut berkenaan buruh estet India yang dianggap sebagai *forgotten people* atau *persistant poor* semasa zaman kolonial serta mogok buruh boleh rujuk R. Selvakumaran, *Indian Plantation Labour in Malaysia* (Kuala Lumpur: S. Abdul Majeed & Co, 1994).

kalangan pekerja ladang dan pelbagai bantuan sosial yang lain.³⁸ Seorang lagi pengkaji yang meneliti tentang kedudukan ekonomi dan sosial kaum India sebelum kemerdekaan serta soal penempatan dan kebajikan tenaga buruh India khususnya buruh estet sebelum dan selepas kemerdekaan Tanah Melayu ialah George Netto.³⁹ Selain itu, soal kedudukan ekonomi kaum India juga turut dikupas oleh Netto tetapi ia agak terbatas kepada kumpulan peniaga yang terdiri daripada golongan Chettiar yang menguruskan perniagaan pinjaman wang secara berlesen dan perbankan sahaja. Apa yang dapat disimpulkan daripada kedua-dua kajian ini ialah tumpuan yang diberikan kepada imigran wanita India adalah amat kurang malah tidak membincangkan tentang kesukaran yang dihadapi oleh wanita India untuk mendapatkan bantuan kewangan bagi yang tinggal di kawasan ladang mahupun mereka yang menetap di kawasan bandar.

Dua lagi kajian tentang masyarakat India di Tanah Melayu/Malaysia telah dihasilkan oleh M. Stenson dan Rajeshwary Ampalavar. M. Stenson dalam *Class, Race and Colonialism in West Malaysia: The Indian Case* telah memfokuskan kepada isu-isu kaum India di Tanah Melayu seperti peranan kaum India dalam ekonomi Tanah Melayu, isu buruh India, kaum India semasa pendudukan Jepun, parti *Malayan Indian*

³⁸ Sinnapah Arasaratnam, *Indian in Malaysia and Singapore* (London: Oxford University Press, 1970). Kajian berkenaan peranan kesatuan NUPW juga telah dilakukan oleh P. Ramasamy, yang telah memberi kupasan komprehensif tentang struktur sosial estet dan masalah yang dihadapi oleh kesatuan sekerja ini. Beliau mendakwa bahawa NUPW gagal memainkan peranan yang sewajarnya dalam meringankan beban buruh estet pada ketika itu. Bagi mendapatkan maklumat yang lebih lanjut sila rujuk P. Ramasamy, *The state union and plantation labour in Malaysia*, Tesis PhD (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 1990) dan P. Ramasamy, "Socio-economic transformation of Malaysian Indian plantation workers", Dalam K.S. Sandhu & A. Mani (peny), *Indian Communities in Southeast Asia* (Singapore: Institute of South East Asian Studies, 1993). Kajian lain yang menyebut tentang peranan NUPW dalam penambakan keadaan persekitaran pekerjaan dan tempat tinggal di ladang ialah Paul D. Wiebe, *Indian Malaysians: The View from the Plantations* (New York: Manohar Publications, 1978).

³⁹ George Netto, *Indians in Malaya: Historical Facts and Figures* (Singapore: G Netto, 1961).

Congress (MIC), pertubuhan-pertubuhan India, penglibatan kaum India dalam Parti Komunis Malaya (PKM) dan peranan MIC dalam Parti Perikatan. Dalam kajian ini Stenson ada menyentuh tentang peranan parti MIC secara umum dan kajian ini turut membantu untuk mendapat pemahaman awal tentang peranan MIC. Ampalavar pula memfokus kepada penubuhan Parti MIC, semangat nasionalisme yang ditunjukkan oleh kaum India di Tanah Melayu, tentang reaksi kaum India terhadap penubuhan Malayan Union serta hubungan Parti MIC dengan UMNO dan MCA sehingga membawa kepada penubuhan Parti Perikatan. Namun begitu kedua-dua kajian ini tidak menerangkan peranan MIC dalam penubuhan Sayap Wanita MIC yang ditubuhkan khas untuk memberi fokus kepada cara-cara untuk meningkatkan penglibatan wanita India dalam bidang politik serta sumbangan mereka dalam peningkatan taraf sosioekonomi wanita India.⁴⁰

Penulisan tentang isu-isu kaum India juga telah dihasilkan oleh Muzaffar Desmond Tate. Penulisan beliau memberi tumpuan terhadap sejarah, masalah dan masa depan kaum India di Malaysia. Fokus penulisan ini adalah terhadap sumbangan dan peranan kaum India di Tanah Melayu serta masalah-masalah kaum India dan implikasinya terhadap masa depan mereka. Selain itu, penulisan ini juga telah menilai keberkesanan peranan parti MIC dalam membantu meringankan permasalahan buruh

⁴⁰ Micheal Stenson, *Class, race and colonialism in West Malaysia* (Vancouver: University of British Columbia, 1980); Rajeshwary Ampalavar, *The Indian Minority and Political Change in Malaya, 1945-1957* (London: Oxford University Press, 1981). Ramai lagi pengkaji yang telah melakukan kajian terhadap penubuhan parti MIC seperti yang dilakukan oleh A. Sivalingam dalam artikel beliau "Economic Problems and Challenges Facing the Indian Community", Dalam K. Kesavapany (peny), *Rising India and Indian Communities in East Asia* (Singapore : Institute of South East Asian Studies, 1993) yang telah mengutarakan empat faktor yang mempengaruhi kemunduran kaum India iaitu peluang ekonomi yang terhad, halangan sosio budaya, amalan sistem kuota serta dasar-dasar kerajaan yang kurang prihatin terhadap keperluan kaum India di Malaysia. Beliau turut mengkritik parti MIC yang kurang berperanan dalam peningkatan sosio ekonomi kaum India di Malaysia. Kajian beliau lebih bersifat umum dan tidak menyentuh tentang peranan wanita dalam parti MIC serta penubuhan Sayap Wanita MIC walaupun sayap ini telah mula berfungsi sejak tahun 1975.